



merafak sembah  
menjunjung kasih dan setinggi-tinggi takhsiah

Sempena  
**KEMAHKOTAAN**

**DYMM SULTAN IBRAHIM SULTAN ISKANDAR**

Pada 23 Mac 2015 bersamaa 2 Jamadil Akhir 1436 Hijrah

Duli Yang Maha Mulia  
**Sultan Ibrahim Ibrai Almarhum Sultan Iskandar**  
Rahlin Yang Dipertuan Ragi Negeri Dan Jajahan Takhsiah Johor Darul Takzim

Cancellor  
**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

Dengan Segala Hormat Takzimnya yang Berdatang Sembah

Daripada  
**Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah Universiti  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia**



Prof. Ir. Dr. Haji  
Abas bin Abdul Wahab

Rezeki  
Zainal Abidin  
bin Mat Nor

Datuk Dr.  
Amin bin Senin

Mejar Jeneral (B)  
Datuk Mohd. Zamali bin  
Ahmad Khan

Prof. Datuk Dr.  
Mohd. Noh bin Dailimin

Tan Sri (Dr.) Ir.  
James Hui Hussien  
Pengerusi

Dato' Sri  
Sufrin Haji Mohd Zin

Datuk Dr.  
Pang Chau Leong

Datuk  
Haji Mohit bin Jaafar

Enche Abdul Hattir  
Bin Abdul Rahman  
Pengerusi



# Sultan Ibrahim Inspirasi Kejayaan

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) kini mula mendahului institusi pengajian yang lain dalam beberapa bidang setelah lebih sedekahi di bawah naungan Canselorunya, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar.

Tasli bimbingan dan tunjak ajar Tuanku Canselor selama 13 tahun ini mula membuskan hasil apabila kejayaan demi kejayaan berjaya dirakodkan di sepanjang tempoh itu. Setiap kejayaan yang diraih itu membuktikan komitmen baginda dalam pembangunan universiti yang bertekanan sains dan teknologi ini selaras dengan slogannya "Technically, Above the Rest". Sultan Ibrahim dimasyharkan sebagai Canselor UTHM pada Konvokesyen pertama Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUTTHO) yang berlangsung pada 19 Ogos 2002.



Dalam tempoh 22 tahun usia penubuhannya, UTHM telah melahirkan lebih 25 ribu orang graduan. Pada masa ini, lebih 16 ribu orang pelajar sedang mengikuti pelbagai program pengajian di peringkat Ph.D, Sarjana, Sarjana Muda dan Diploma di UTHM. Daripada jumlah ini, lebih 500 daripadanya adalah pelajar luar negara yang datang daripada lebih 20 negara yang datang dunia seperti Amerika Syarikat, Algeria, Thailand, Brunei, Indonesia, India, Yemen, Syria, Somalia, Maldives, Nigeria, Sudan dan Pakistan.

Setelah melalui pelbagai cabaran dan halangan, UTHM baru-baru ini telah mendapat pengiktirafan lima bintang bagi kriteria pengajaran, fasiliti dan juga inovasi di dalam Audit Quacquarelli Symonds (QS) Star Rating. QS Intelligence Unit adalah salah satu organisasi audit berprestij yang berpusat di London dan terkenal sebagai salah satu organisasi penguatkuasaan universiti melalui QS World Ranking.

Penerafan lima bintang yang diumumkan pada 16 Disember 2014 lalu merupakan satu kejayaan yang sangat membanggakan sekaligus juga membuktikan keupayaan UTHM

untuk bergerak setanding dengan universiti ternama lain di dalam maupun luar negara.

Pencapaian bidang akademik di UTHM juga mengalami peningkatan yang membuskan apabila program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik dengan Keupujian dan Program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dengan Keupujian berjaya mendapat pengiktirafan penuh selama lima tahun daripada Engineering Accreditation Council Malaysia (EAC). Sementara itu Program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dengan Keupujian dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Keupujian, masing-masing turut mendapat pengiktirafan untuk tiga tahun dan dua tahun dari (EAC).

Manakala program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pembinaan) dengan Keupujian pula memperoleh akreditasi penuh tanpa syarat bagi tempoh lima tahun daripada Chartered Institute of Building (CIOB), United Kingdom. Selain itu, makmal Pusat Penyelidikan Elektromagnetik Cinaan turut memperoleh akreditasi di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM), Jabatan Standard Malaysia

untuk tempoh tiga tahun sehingga 2017.

UTHM sebelum ini turut mengungguli kemenangan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Antaranya empat kumpulan pelajar, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (PKMP) berjaya menotopoli hampir kesemua anugerah yang ditawarkan bagi pertandingan Peringkat Akhir Kemuncak Nasional MyInovasi 2014 sekali juga dinobatkan sebagai 'Juara Keseluruhan' pada 16 Disember tahun lalu di Putrajaya. Manakala penyertaan penyedikit UTHM di pertandingan The British Invention Show (BIS) Barbican, London telah mendapat pengiktirafan dunia apabila kesemua penyertaannya meraih beberapa kategori anugerah. Kejayaan yang diraih ini merupakan bukti penerimaan industri antarabangsa terhadap penyelidikan universiti yang berteraskan industri.

Sementara itu, kedudukan UTHM dalam penerafan Webometrics terus melonjak naik ke tempat ketujuh pada tahun ini daripada 90 buah Institut Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia, sekaligus meletakkan institusi ini di kedudukan 1002 daripada 25000 IPT

peringkat dunia. Penerafan Webometrics merupakan sistem penerafan akademik IPT yang dijalankan sebanyak dua kali setahun, oleh Cybermetric Lab iaitu sebuah kumpulan penyedikit terwaras dari Sepanyol. Kejayaan UTHM dalam penerafan ini melambangkan usaha gigih dan komitmen berterusan warganya untuk terus maju dan berjaya saing.

Usaha berterusan institusi ini dalam menguasai bidang pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan pembangunan menjadikan UTHM semakin mendapat tempat dalam kalangan pelajar yang ingin meneruskan pengajian di pelbagai peringkat. Ini kerana berdasarakan Unit Perumahan Universiti (UPEU), UTHM semakin meraih populariti apabila menjadi pilihan pertama pelajar bagi pengajian Ijazah Pertama program kejuruteraan. Kadar kebolehkeraan graduan UTHM juga berada di tahap membanggakan apabila 74.9% graduannya memperoleh pekerjaan sejurus sahaja tamat pengajian.

Berdiri sebagai Canselor UTHM, Sultan Ibrahim sentiasa disembahkan maklum mengenai perkembangan terkini UTHM. Baginda sentiasa menunjukkan keprihatinan baginda

terhadap hala tuju universiti ini dan sering memisahkan seluruh warga universiti untuk bekerja dengan lebih cekap dan efisien demi menjadikan UTHM sebuah universiti bertaraf dunia pada masa akan datang.

Justeru, bersempena festidat Kemahkotaan Sultan Johor yang diadakan pada 23 Mac lalu, seluruh Ahli Lembaga Pengarah Universiti dan Pengerusi Tertinggi Universiti beserta warga UTHM merafak sembah takhsiah ke bawah DYMM Sultan Ibrahim Ibrai Almarhum Sultan Iskandar, Sultan yang Dipertuan bagi Negeri dan Jajahan Takhsiah Johor Darul Takzim. Daulat Tuanku.

**KEBOLEHKERAJAN Graduan yang tinggi**

1002 OF UNIVERSITIES

70 OF 25,000

70 OF 90

790

Staff Jumlah Staf 2200

Jumlah Pelajar >16,000

>500 Negara Luar